

Hanya Najib terima jutaan dana 1MDB

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Bekas pegawai penyiasat Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan bahawa tiada ahli pengurusan tertinggi 1Malaysia Development Berhad (1MDB) menerima sebarang faedah daripada penyelewengan dana yang berlaku di syarikat terbabit.

Sebaliknya, Senior Asisten Komisioner R. Rajagopal memberitahu, berdasarkan siasatannya dan dijalankan oleh agensi penguatkuasaan yang lain mendapati bahawa jutaan ringgit telah masuk ke dalam akaun peribadi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Sepanjang siasatan pihak polis dan juga maklumat yang diterima daripada pasukan petugas khas (yang turut menyiasat penyelewengan dana 1MDB), kami tidak menerima sebarang bukti yang menunjukkan Azmi (bekas Ketua Pegawai Kewangan 1MDB, Azmi Tahir); Hazem (bekas Ketua

Pegawai Eksekutif 1MDB, Mohd. Hazem Abdul Rahman) dan Shahrol (bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azfal Ibrahim Halmi) telah menerima wang daripada dana 1MDB berbanding Najib,” kata saksi itu.

Menurut naratif pembelaan, individu-individu yang dinamakan dikatakan telah bersekongkol dengan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low untuk menipu Najib dan 1MDB bagi mendapatkan sejumlah RM2.3 bilion dana 1MDB.

Rajagopal turut memberitahu, berdasarkan bukti yang diperoleh termasuk dokumen komunikasi dan perbankan, beliau mendapati, Good Star Limited, Jho Low, Putera Faisal, Putera Saud, Blackstone dan Najib tidak mempunyai apa-apa kaitan atau urusan perniagaan dengan 1MDB yang mewajarkan mereka menerima wang daripada 1MDB.

Saksi pembelaan ke-11 itu berkata demikian ketika disoal balas oleh Timbalan Pendakwa

Raya, Mohamad Mustafa P. Kunyalam di Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Terdahulu, saksi berkenaan memberitahu bahawa Najib telah menjadi suspek dalam siasatan kes penyelewengan dana itu selepas didapati terdapat aliran wang masuk ke dalam akaun peribadinya yang berpunca daripada wang diselewengkan.

Berdasarkan affidavit Rajagopal, sejumlah AS\$5 juta dan AS\$25 juta telah dipindahkan ke dalam akaun Ambank 9694 milik Najib pada 30 Oktober dan 19 November 2012.

Wang tersebut dipindahkan daripada akaun milik Blackstone Asia Real Estate Partners Ltd. (Blackstone) ditubuhkan oleh Jho Low bagi menyerupai sebuah firma ekuiti hartanah persendirian, Blackstone Real Estate dalam konspirasi mengaut berjuta-juta dolar daripada 1MDB.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini.